



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 3 MEI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MALAYSIA TERTINGGI BUANG MAKANAN KETIKA RAMADHAN, NEGARA, KOSMO -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	JUALAN HARUMANIS D'AMAN RAIH LEBIH RM5 JUTA, YAN, SH -28	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	FAMA SASAR 100 USAHAWAN PEMASAR, NEGARA, KOSMO -15	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4. 5.	PADI JALANAN BEBAS BAJA DAN RACUN, KOTA BHARU, SH -26 KONTRAKTOR TANAM PADI TANPA RACUN, BAJA, DALAM NEGERI, UM -31	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
6. 7.	PERLIS PERLU BERDAYA SAING HASILKAN BENIH PADI SENDIRI, DALAM NEGERI, UM -31 TELAGA, TALI AIR KERING, TANAMAN MUSNAH, NASIONAL, SH -3	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Wajar contohhi amalan jamuan di Jepun, Thailand

Malaysia tertinggi buangan makanan ketika Ramadan

Oleh RASDAN AHMAD

SERDANG – Malaysia antara negara tertinggi di dunia yang membuang sisa makanan, sehingga mencatatkan 12,000 tan sehari ketika bulan Ramadan lalu.

Menteri Pertanian dan Ke-terjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, angka tersebut merupakan laporan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebelum ini yang menjadikan Malaysia antara negara yang tertinggi membuang sisa makanan ketika ini.

"Jadi tabiat membuang sisa makanan berlebihan ini perlu dibuang, saya juga banyak menjejajah ke beberapa negara se-lama ini, jamuan makanan yang terbaik adalah di Jepun dan Thailand.

"Mereka hanya berikan hidangan secukupnya dan tidak berlebihan, itu tabiat mereka," jelaunya kepada pemberita selepas Majlis Amanat dan Sambutan Mesra Aidilfitri 2024 di MAEPS di sini, semalam.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, kerajaan ketika ini dalam usaha mengurangkan defisit agar pengaliran keluar wang



MOHAMAD (tengah) beramah mesra dengan wakil media pada majlis di MAEPS, Serdang semalam.

negara dapat dikurangkan serta tidak membazir berikutan mencatatkan kadar import sebanyak RM78.7 bilion makanan tahun lalu.

Angka tersebut telah mencatatkan defisit tertinggi berbanding nilai eksport sebanyak RM46.38 bilion tahun lalu.

"Sektor agromakanan memerlukan sumbangan yang sig-

nifikan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNG) iaitu 11.6 peratus walaupun berhadapan cabaran mengurangkan jurang antara import dan eksport agromakanan.

"Pertumbuhan agromakanan dalam sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan pada tahun 2023 telah meningkat 4.3 peratus kepada RM181.4 bilion

berbanding RM173.9 bilion pada tahun 2022.

"Kementerian berusaha mengurangkan defisit perdagangan agromakanan negara dalam tempoh yang terdekat," tambah Mohamad.

Jelannya lagi, ia dengan memulakan pengeluaran bawang merah sendiri dan mengeksport durian segar ke China.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/5/2024	KOSMO	NEGARA	15

Seramai 48 usahawan telah berjaya dilahirkan melalui program RPKP **FAMA sasar 100 usahawan pemasar**



ABD. RAHMAN (dua dari kanan) menyerahkan bantuan geran perniagaan kepada salah seorang usahawan pemasar pada majlis Aidilfitri FAMA Terengganu di Kuala Terengganu semalam.

Oleh **KAMALIZA KAMARUDDIN**

KUALA TERENGGANU – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasar melahirkan 100 usahawan pemasar bagi program Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran (RPKP) menjelang akhir tahun ini.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Abd. Rahman Mahmood berkata, setakat ini, seramai 48 usahawan pemasar telah berjaya dilahirkan di seluruh negara sejak program tersebut diperkenalkan dua tahun lalu.

"Kesemua usahawan pemasar itu mendapat bekalan daripada 480 pengeluaran pelbagai jenis tanaman di seluruh negara.

"Inisiatif dilaksanakan FAMA

ini bagi meningkatkan jaringan pengedaran dan daya saing yang sihat dalam pasaran sekali gus membantu usahawan menambah pendapatan," katanya pada majlis sambutan Aidilfitri anjuran FAMA Terengganu di sini semalam.

Abd. Rahman berkata, program RPKP bertujuan memastikan hasil pengeluaran peserta ladang kontrak dapat dipasarkan mengikut gred secara berjadual dan berterusan.

Tambah beliau, ia memastikan bekalan sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan diterima secara terus kepada, pengguna dan tiada orang tengah.

"Sehubungan itu, FAMA menjalin kerjasama 2,700 peserta

Ladang Kontrak di seluruh negara bagi menjayakan program RPKP ini," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Abd. Rahman berkata, seramai 26 usahawan Terengganu menerima bantuan geran perniagaan bernilai keseluruhan RM298,000.

Tambah beliau, dua usahawan Agrobazaar menerima geran keseluruhan RM80,000, manakala empat lagi masing-masing mendapat bantuan geran K-Shoppe sebanyak RM20,000.

"Bantuan lain yang diberikalah geran Program Khidmat Industri Berkepakaran, Geran Agropreneur Muda dan Geran Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran," kata beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/5/2024	SINAR HARIAN	YAN	28

Jualan Harumanis D'Aman raih lebih RM5 juta

YAN - Kerajaan negeri menggalakan lebih ramai mengusahakan kebun mangga berikutan lebih 150 tan harumanis berjaya dipasarkan dengan nilai jualan melebihi RM5 juta di seluruh negara.

Exco Pertanian, Perladangan, Pengangkutan negeri, Dzowahir Ab Ghani berkata, produk dari jenama Harumanis D'Aman mula dikomersialkan sejak 2022 dan semakin mendapat permintaan tinggi.

Menurutnya, mangga tersebut diusahakan 125 pengusaha membabitkan keluasan 100 hektar ladang.

"Sasaran kita pada 2025 mencapai hasil 600 tan bagi menampung permintaan di seluruh negara.

"Harumanis ini sebenarnya berasal dari Kedah, kita ada sejak 1971 tapi dikomersialkan di Perlis.

"Rasa harumanis Kedah sebanding dengan keluaran negeri lain, tambahan pula kita jenamakan produk ini dengan nama Harumanis D'Aman dua tahun lalu," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Fiesta Mempelam Kedah



Dzowahir (dua dari kanan) dan Mohd Salleh (dua dari kiri) melihat mangga Harumanis D'Aman di Fiesta Mempelam Kedah 2024 di Pusat Teknologi Mempelam Sala Kanan, Yan pada Khamis.

2024 di Pusat Teknologi Mempelam Sala Kanan di sini pada Khamis.

Hadir sama Exco Pelancongan, Kebudayaan dan Keusahawanan negeri, Datuk Mohd Salleh Saidin.

Menurut Dzowahir, negeri ini memiliki kelebihan dalam keluaran mangga kerana pusat teknologi berkenaan mempunyai 111 variasi

mangga dari serata dunia.

"Mereka yang berminat boleh menghubungi terus jabatan pertanian negeri untuk mendapatkan bekalan anak pokok harumanis, baja dan sokongan teknikal serta bimbingan," ujarnya yang mahu melihat lebih ramai petani menceburi tanaman itu pada masa akan datang.

3/5/2024

KOTA BHARU

26

SINAR HARIAN

Padi jalanan bebas baja dan racun

Tuaian pertama berjaya raih hasil dua tan beras

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN
KOTA BHARU

Seorang kontraktor yang usahakan tanaman padi berkonsepkan alam semula jadi di tepi rumahnya di Kampung Lubok Jambu, Mulong, berjaya menuai hasil sehingga dua tan.

Mohd Yusri Mohammad Nor, 49,

mengusahakan padi jenis varieti MR297 yang ditanam di tanah seluas empat hektar dan hanya bergantung kepada sumber air semata-mata tanpa penggunaan baja atau racun.

Katanya, ia merupakan tanaman musim kedua selepas kejayaan musim pertama pada Disember lalu.

"Padi ini ditanam menggunakan kaedah mencedung, melandak dan dituai secara tradisional iaitu membanting.

"Idea mengusahakan padi teretus apabila saya banyak meluangkan masa di rumah ketika negara dilanda Covid-19.

"Kebetulan sebelum itu saya pernah ke Amerika Syarikat dan melihat petani menyimpan rumput untuk dijadikan baja selain tanah dibiarkan terbiar terlebih dahulu sebelum diusahakan," katanya ketika menghadiri Jamuan Aidilfitri Yayasan Ahmad Albab sempena Temasya Desa Gemalai di Baruh Padi Alami di sini pada Khamis.

Hadir sama bekas Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Datuk Husam Musa.

Menurut Mohd Yusri, yang juga Penaung Yayasan Ahmad Albab, bertitik tolak dari situ, beliau mengambil langkah pertama dengan menyewa tanah terbiar di tepi rumahnya untuk meng-



Padi bebas kimia ditanam Mohd Yusri (kanan) di tepi jalan mendapat perhatian ramai.

usahakan tanaman padi.

Ujarnya, hasil tuaian pertama dianggap berjaya apabila sebanyak dua tan padi terhasil dan menjadi sumber beras utama keluarga selain turut diagihkan kepada rakan.

"Untuk musim kedua ini saya menyasarkan hasil tuaian dua kali ganda dan akan diperkenalkan kepada orang ramai.

"Saya bercadang menjual beras dari pada padi ini supaya orang ramai dapat merasai khasiatnya yang bebas racun dan kimia, namun perkara ini masih di peringkat perancangan dan kami akan berusaha

ke arah itu," katanya.

Sementara itu, Mohd Yusri berkata, oleh kerana tanaman padi bergantung sepenuhnya kepada sumber air semata-mata, peruntukan RM30,000 dibelanjakan bagi menyediakan sistem saliran baik serta mendapatkan sumber bekalan daripada telaga tiub.

Menurut beliau lagi, menjadi harapannya tanaman padi berkonsepkan alam semula jadi bukan sekadar diusahakan bagi menampung bekalan makanan tetapi pada masa sama menjadikannya sebagai pusat agro pelancongan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/5/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Perlis perlu berdaya saing hasilkan benih padi sendiri

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

ARAU: Kerajaan negeri perlu mengambil langkah lebih berdaya saing bagi merealisasikan hasrat penghasilan benih padi sendiri sekali gus mengelakkan para pesawah terus bergantung terhadap kilang atau syarikat dari luar bagi mendapatkan bekalan setiap kali musim penanaman padi.

Langkah tersebut juga penting bagi mengatasi isu kelewatan bekalan dan kualiti benih padi yang terus berulang setiap tahun.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Guar Sanji, Mohd. Ridzuan Hashim berkata, sudah tiba masanya Perlis yang dua pertiga kawasan tanahnya adalah kawasan pertanian atau sawah mengeluarkan benih padi sendiri.

Katanya, bagi merealisasikan usaha itu juga, setiap Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) perlu mengeluarkan benih padi sendiri.

Ujarnya, Perlis sudah mempunyai pusat pembelian benih tapi kenapa tidak mengeluarkan padi benih sendiri.

"Saya ingin memberikan beberapa cadangan dan mengutarakan kepada kerajaan negeri supaya mengambil langkah yang lebih berdaya dan aktif dalam usaha merealisasikan penghasilan benih padi sendiri dan beras putih tempatan.

"Kita negeri yang hampir dua pertiga tanah adalah kawasan pertanian dan kawasan Kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang mengusahakan tanaman padi.

"Usaha untuk hasilkan benih padi sendiri ini bukan pada zaman pemerintahan ini sahaja tapi pemerintahan kerajaan yang lalu juga. Bagi kerajaan negeri ini, saya sarankan usaha yang sesungguhnya supaya kita dapat merealisasikan benih padi sendiri ini.

"Agak malang, kita berada dalam kawasan padi atau tanaman padi yang banyak namun masih mengharap kepada kilang-kilang dan syarikat dari



MOHD. RIDZUAN HASHIM

luar bagi mendapatkan benih," katanya.

Disember tahun lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan Perlis bakal membuka ladang benih padi sendiri melibatkan kawasan seluas 328 hektar dengan penglibatan PPK seluruh negeri ini sekali gus bakal mengatasi masalah bekalan benih padi di negeri itu.

Kewujudan ladang berkenaan dapat menyelesaikan isu

bekalan benih merangkumi 30 peratus keluasan kawasan tanaman padi di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad dilaporkan berkata, perancangan ladang benih padi berkenaan melibatkan agensi seperti Jabatan Pertanian negeri, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan MADA.

Akhbar ini juga pernah melaporkan 71,000 pesawah kawasan MADA berdepan kerugian sehingga RM40 juta semusim sekiranya mereka lewat mengusahakan sawah disebabkan ketiadaan benih padi.

Isu kelewatan mengagihkan benih kepada pesawah di Kedah dan Perlis bawah MADA yang semuanya berkeluasan 100,000 hektar bukan perkara baharu tetapi berlarutan sejak beberapa tahun lalu.

Tambah Mohd. Ridzuan, beliau memahami berkemungkinan sukar ke arah itu namun ia bukan halangan untuk kerajaan negeri tidak berusaha lebih agresif.

Kontraktor tanam padi tanpa racun, baja

KOTA BHARU: Seorang kontraktor jalan raya dari Kampung Lubok Jambu di sini membuktikan padi berkonsepkan semula jadi iaitu bebas daripada penggunaan racun dan baja mampu hidup subur dan mengeluarkan hasil lumayan.


Menariknya, padi dari jenis varieti MR297 yang ditanam di tanah seluas empat hektar itu menggunakan kaedah tradisional seperti mencedung dan melandak selain bergantung sepenuhnya kepada air.

Mohd. Yusri Mohammad Nor, 49, berkata, ini merupakan musim kedua padi yang diusahakannya itu mengeluarkan hasil.

Menurutnya, musim pertama lalu dia memperoleh hasil sebanyak dua tan selepas mendapat tunjuk ajar pesawah dari Indonesia, Aep Saepudin.

"Walaupun padi di kawasan berhampiran tidak menjadi disebabkan oleh masalah air, alhamdulillah hasil tanaman saya masih tumbuh dengan segar.

"Saya menyediakan sumber air dari telaga tiub dan sistem sendiri bagi memastikan mencukupi walaupun musim kemarau," katanya ketika ditemui



MOHD. Yusri Mohammad Nor menunjukkan hasil padi yang ditanam bebas daripada penggunaan racun dan baja di Kampung Lubok Jambu, Kota Bharu, Kelantan. - UTUSAN/KAMARUL BISHMI KAMARUZAMAN.

pemberita di Baruh Padi Alami di sini semalam.

Mohd. Yusri yang merupakan Pengarah Urusan Yusri Maju Sdn. Bhd memberitahu, melihat kepada keadaan padi ketika ini dia mampu memperoleh peningkatan hasil lebih dua ganda

berbanding musim pertama.

"Saya sudah memperoleh lesen untuk mengeluarkan beras dan saya sudah mempunyai kilang padi mini untuk memproses hasil," ujarnya.

Katanya, idea untuk menanam padi secara semula jadi

ini tercetus semasa dalam perjalanan dari Iowa ke Nebraska, Amerika Syarikat (AS), enam tahun lalu.

Jelasnya, sepanjang perjalanan dia melihat tanaman di kawasan tersebut subur meskipun dibiarkan secara semula jadi.

3/5/2024

SINAR KOTA BHARU

3

HARIAN

Telaga, tali air kering, tanaman musnah

Penduduk di Kelantan
sifatkan kemarau kali
ini antara paling teruk

Oleh HAZELN LIANA
KAWARUDIN
KOTA BHARU

mpak cuaca panas dan kemarau yang melanda negeri ini semakin dirasai oleh penduduk apabila air telaga, tali air dan sungai mula kering sejak dua bulan lalu.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati situasi itu menjelaskan rutin harian penduduk selain sawah, petani serta pekebun berdepan kerugian akibat tanaman musnah dan tidak menjadi.

Seorang penduduk dari Kampung Baroh Piai, Rantau Panjang, Mariani Seman, 46, berkata, kebanyakan telaga berhampiran kawasan rumah sudah kering.

"Lebih 50 keluarga di sini berdepan masalah bekalan air selepas semua telaga yang ada kering sejak dua bulan lalu. Ketika ini kami terpaksa berulang-alik sejauh dua kilometer untuk memungkah air di sebuah telaga di kebun getah.

"Hanya telaga di kawasan itu masih belum kering, jadi kami bergantung sepenuhnya kepada telaga tersebut. Begitu juga dengan penduduk lain yang terpaksa menumpang telaga di merata-kampung berhampiran," katanya.

Menurutnya, pada masa sama kebanyakan penduduk terpaksa berjimat cermat bagi memastikan tidak terputus bekalan air.



Hakimi Amir menunjukkan keadaan terkini tanaman padi di Kampung Langgut, Kota Bharu.



Seorang penduduk di Kampung Baroh Piai, Rantau Panjang terpaksa memungkah air dari telaga di kebun getah berhampiran kerana telaga di kampung tersebut kering sejak dua bulan lalu.

banyak tanaman seperti padi dan sayur-sayuran yang diusahakan penduduk tidak menjadi dan musnah.

"Sebelum ini, penduduk telah menjalankan solat sunat istisqa' memohon hujan sebagai iktihar. Insya-ALLAH kami akan laksanakan sekali lagi esok (Jumaat) seperti yang dipinta oleh majlis agama Islam negeri," katanya.

Sementara itu, petani, Hakimi Amir Mohd Salam, 29, berkata, sudah dua bulan kawasan tali air di Kampung Langgut di sini kering.

"Situasi itu menyebabkan banyak tanaman padi musnah. Bila air kering, kami tidak dapat menggaparnya masuk ke sawah. Saya harap kemarau ini tidak berpanjangan," katanya.



Ujarnya, ketika ini dia turut berdepan detik sukar kerana terpaksa menguruskan anak yang baru bersalin.

Bagi Imam Muda Masjid Mukim Kampung Haji Hussein di Kampung Melor Lama, Ahmad Rosly Mohamed, kemarau kali ini adalah antara yang paling teruk pernah dilalui mereka.

Katanya, sudah dua bulan kawasan tersebut tidak hujan sekali gus mengakibatkan banyak tanaman musnah.

"Hasil tinjauan saya mendapati